



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	UTUSAN MALAYSIA			
TARIKH	:	26/4/2019	MUKA SURAT	:	54
JABATAN	:	SPAN / AIR SELANGOR			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			



KERJA-KERJA penambahbaikan sistem bekalan air di Loji Rawatan Air Sungai Selangor Fasa 2 (SSP2) yang siap sepenuhnya pada pukul 11 malam semalam.

Bekalan air pulih lebih awal

■ KUALA LUMPUR 25 APRIL

ORANG ramai memuji kecakapan Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd., (Air Selangor) yang berjaya menyiapkan kerja-kerja pembaikan sistem bekalan air di Loji Rawatan Air Sungai Selangor Fasa 2 (SSP2) sehari lebih awal.

Kerja-kerja penggantian komponen paip dan sistem elektrik yang siap sepenuhnya pada pukul 11 malam tadi sebelum ini dijangka memakan masa lebih lama ekoran kemungkinan berlakunya letupan di loji berkenaan.

Kejayaan itu sekali gus memendekkan tempoh gangguan bekalan air yang dihadapi oleh lebih empat juta pengguna di Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Ketua Jabatan Perhubungan Pelanggan dan Komunikasi Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd., Abdul Raof Ahmad berkata, berikutan kejayaan itu pihaknya telah mengaktifkan semula pengoperasian loji.

Beliau berkata, pihaknya kini dalam proses meningkatkan paras air di kolam-kolam perkhidmatan serta menstabilkan tekanan dan aliran di sistem

agihan.

“Bagaimanapun proses pemulihan bekalan akan berlaku secara berperingkat-peringkat dan akan berbeza dari satu kawasan ke kawasan yang lain bergantung kepada lokasi dan altitud premis pelanggan,” katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Dalam pada itu, Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), Charles Santiago berkata, bekalan air dijangka kembali pulih secara berperingkat-peringkat lewat hari ini.

Gangguan bekalan air selama 86 jam yang bermula semalam melibatkan 620,000 pemilik akaun Syabas di 577 kawasan merupakan antara yang terbesar pernah berlaku.

Orang ramai sebelum ini bimbang proses pemulihan bekalan air di loji SSP2 dilanjutkan seperti gangguan air kali terakhir yang berlaku pada tahun lalu.

Pada 5 Mac 2018, operasi pembaikan Loji Rawatan Air, Sungai Selangor Fasa 3 (SSP3) tergendala akibat letupan pada sistem mampatan udara yang menyebabkan kecederaan serius kepada beberapa orang kakitangan bertugas.

“Proses pemulihan bekalan akan berlaku secara berperingkat dan akan berbeza dari satu kawasan ke kawasan yang lain bergantung kepada lokasi dan altitud premis pelanggan,”

ABDUL RAOF AHMAD



REAKSI



“LEGA bila dapat tahu Syabas dapat segerakan kerja-kerja pemulihan bekalan air yang terputus. Bolehlah saya berniaga seperti biasa tanpa menutup kedai”

MAROP MD. NOR
Peniaga roti canai



“SAYA bersyukur apabila mendapat tahu kerja-kerja penambahbaikan sistem bekalan air siap sepenuhnya hari ini. Kami sekeluarga tidak perlu risau lagi untuk membasuh pakaian dan memasak. Tahniah Syabas!”

NORHISAM OMAR
Kakitangan awam